KAJIAN TERHADAP KETERAMPILAN DIRI PELAJAR JABATAN PERDAGANGAN, POLITEKNIK MERLIMAU

Nurol Aleyzan Binti Ghazali[1], Hanim Binti Paimin[2]

Jabatan Perdagangan, Politeknik Merlimau Melaka, Melaka, 77300 Malaysia; nurolaleyzan@pmm.edu.my
Jabatan Perdagangan, Politeknik Merlimau Melaka, Melaka, 77300 Malaysia; hanim@pmm.edu.my

Abstrak *Pelajar yang mempunyai keterampilan diri yang cemerlang mampu memberi nilai tambah untuk bersaing dalam pasaran buruh yang merupakan ukuran majikan dalam memilih pekerja yang dinamik serta mempunyai ciri-ciri holistik dari segi JERI. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti tahap keterampilan diri pelajar Jabatan Perdagangan, Politeknik Merlimau dari aspek keberanian pelajar untuk memberi pendapat dan sumbangan idea, melihat sikap daya saing mereka semasa proses P&P dan kemahiran komunikasi interpersonal. Seramai 330 responden telah terpilih sebagai sampel secara rawak mudah meliputi semua semester dalam program pengajian. Pengumpulan data dibuat dengan mengedarkan borang soal selidik yang mengandungi 22 item dengan dapatan nilai kebolehpercayaan Alfa Cronbach 0.855. Kajian adalah jenis kuantitatif yang berbentuk deskriptif secara tinjauan telah digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Data diperolehi dianalisis dan diterjemahkan dalam bentuk peratusan dan min dengan menggunakan perisian 'Statistical Package for Social Science (SPSS) For Window Version 20.0. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan tahap keterampilan pelajar dari ciri keberanian memberikan pendapat dan sumbangan idea adalah pada tahap tinggi iaitu 3.12. Manakala, keterampilan pelajar untuk berdaya saing dan tahap kemahiran interpersonal adalah pada tahap sederhana iaitu masing-masing 2.92 dan 2.94. Semua pihak perlu melakukan tindakan sewajarnya untuk membina keterampilan diri pelajar serta melahirkan graduan yang kompetatif agar berani bersaing, yakin dan mempunyai permintaan yang tinggi.*

***Kata Kunci**: keterampilan diri, Jabatan Perdagangan, Politeknik Merlimau*

1.0 PENDAHULUAN

Institusi pendidikan di Malaysia memainkan peranan yang sangat dominan dan penting dalam usaha menyediakan sumber tenaga manusia yang mampu menggalas dan merealisasikan hasrat Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Tanggungjawab ini akan dipikul bersama, sama ada oleh institusi pendidikan awam atau swasta. Pelbagai usaha dipergiatkan dan perancangan yang strategik disusun untuk melahirkan dan membangunkan modal insan yang mampu memenuhi keperluan negara dan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Politeknik Malaysia di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) tidak terkecuali memainkan peranan dalam melahirkan graduan yang berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri dan memberikan sumbangan terhadap kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) telah menetapkan visi yang jelas tentang keperluan melahirkan modal insan yang berkualiti dan berdaya saing di peringkat global. Visi JPP ini diperkukuhkan lagi dengan penetapan misinya yang ketiga iaitu membudayakan kecemerlangan dan kemantapan rohani bagi pembentukan jati diri dan daya saing di peringkat global (Visi dan Misi JPP, 2012). Elemen daya saing dan keberanian adalah ciri yang perlu ada untuk menjadikan seseorang itu berketrampilan ((Zain, 2012) seterusnya melengkapkan diri untuk bersaing dalam pasaran buruh global.

Segulung diploma atau ijazah bukan lagi sandaran atau 'tiket' untuk bersaing mendapat pekerjaan yang baik. Sehubungan itu, graduan perlu lebih bersedia dengan kemahiran tambahan atau nilai tambah seperti kemahiran berkomunikasi secara interpersonal, berkongsi pengetahuan, mempunyai daya kepimpinan (Shaari, 2012), lebih berdaya saing dan berani dalam memberi pendapat dan idea dalam pelbagai situasi. Perubahan struktur ekonomi yang lebih kompetatif dan perubahan keperluan majikan, menuntut seseorang graduan agar mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi.

Goleman menerusi buku beliau dalam (Noriah Mohd Ishak, 2009) telah menyatakan bahawa cara majikan memilih pekerja telah berubah dari hanya melihat kepintaran intelek sahaja kepada melihat kepada kedua-dua kepintaran intelek dan emosi. Pernyataan ini membawa implikasi yang besar kepada institusi pendidikan tinggi yang menghasilkan graduan sepanjang tahun bagi menampung keperluan negara untuk memenuhi sumber manusia yang diperlukan. Setiap IPTA harus memikirkan jalan terbaik untuk menghasilkan graduan yang dapat bersaing dalam dunia pekerjaan.

Justeru, rentetan kepada keperluan dan ruang lingkup kemahiran insaniah, maka adalah menjadi keutamaan kepada bakal sumber manusia untuk melengkapkan diri dengan ciri-ciri kualiti diri yang dapat menonjolkan keterampilan diri mereka dalam pelbagai situasi dan tempat. Penumpuan keterampilan diri bagi bakal graduan tanpa mengira bidang pengkhususan sama ada kejuruteraan

atau perdagangan dan hospitaliti perlu dijadikan teras nilai tambah mampu milik oleh golongan ini. Nilai keterampilan diri boleh dilaksanakan melalui pelbagai cara atau kaedah sama ada dalam penglibatan yang aktif semasa pelaksanaan proses pembelajaran dan pengajaran (P&P), aktiviti kokurikulum ataupun dalam persatuan. Ini kerana nilai keterampilan yang unggul wujud melalui pengalaman dalam kehidupan mereka sebagai pelajar atau ahli komuniti setempat. Secara tidak langsung akan mewujudkan keyakinan mereka untuk berhadapan dengan cabaran, berani mengeluarkan pendapat dan berkongsi idea dengan pihak majikan dan ahli masyarakat. Inilah generasi yang perlu dihasilkan oleh institusi pendidikan di Malaysia selaras dengan perubahan struktur ekonomi, sosial dan politik yang terarah kepada negara maju yang perlu dicapai kurang dari 8 tahun.

1.1 Latar belakang Masalah

Kepantasan perubahan teknologi, transformasi dalam ekonomi dan sosial memberikan isyarat baru kepada individu yang ingin memasuki pasaran pekerjaan pada masa sekarang. Tuntutan pihak majikan yang pelbagai menjadikan bakal sumber manusia ini tidak harus bergantung kepada segulung ijazah atau diploma sahaja sebagai sandaran utama untuk membolehkan mereka bersaing mendapat pekerjaan.

Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia yang dikeluarkan dalam Siri 34 Bil.05/2012 pada bulan Mei 2012 menunjukkan sehingga Mac 2012 seramai 380 400 atau 2.9% graduan menganggur (Malaysia, 2012). Angka ini walaupun pun menunjukkan penurunan sebanyak 5.4% berbanding bulan sebelumnya namun ia memberikan petunjuk masih ramai yang menganggur di Malaysia.

Sistem pendidikan seharusnya mampu melahirkan graduan yang mantap dalam pelbagai disiplin ilmu, rohani, minda, emosi, interaksi, adab dan etika selaras dengan hasrat negara untuk memantapkan lagi modal insan (Siti Zaleha Omain et.al, 2007, Ahmad Jusoh, Low Hock Eng, Norliza Mohd Salleh & Shafudin Mohd Yatim (2007) dalam (Zafir Mohd Makhbul, 2012). Dalam Zafir (2012) juga menjelaskan kemahiran insaniah yang meliputi aspek keperibadian dan keterampilan serta komunikasi merupakan kriteria utama majikan dalam memilih pekerja (Mason,G,2009). Menurut Marlina (2006) bahawa kajian yang telah dijalankan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada tahun 2005 mendapati kriteria kemahiran berkomunikasi merupakan penentu utama kepada kebolehpasaran graduan, manakala pencapaian akademik berada di tangga kelapan. Majikan kini lebih menekankan kualiti pekerja dengan menetapkan beberapa kriteria dalam pemilihan pekerja (Nur Atiqah Abdullah, 2009) dan keterampilan diri (Lim 1994) dalam (Zafir Mohd Makhbul, 2012).

Sehubungan itu, situasi yang berlaku adalah amat membimbangkan pengkaji dalam melihat prestasi yang ditunjukkan oleh pelajar Jabatan Perdagangan berkaitan isu yang diketengahkan. Kurang penglibatan yang aktif di dalam kelas semasa proses pembelajaran dan pengajaran berlangsung, tidak berani menyatakan pendapat tanpa paksaan mahupun melibatkan diri secara sukarela dalam aktiviti akademik dan non akademik adalah antara perkara yang sedang berlaku dalam kalangan pelajar Jabatan Perdagangan, Politeknik Merlimau (PMM). Fenomena seperti ini menunjukkan satu nilai tambah yang seharusnya dimiliki oleh graduan-graduan Jabatan Perdagangan tetapi gagal ditonjolkan berbanding pelajar bidang kejuruteraaan. Antara lain, pengalaman yang dialami oleh pensyarah atau pengkaji adalah berkaitan prestasi pelajar yang kurang menyerlah ketika melakukan pembentangan dan aktiviti yang melibatkan pengucapan awam. Pelajar dilihat kurang berkeyakinan dalam menghuraikan fakta, memberi idea yang bernas termasuk interaksi yang berlaku dengan pihak audien. Keadaan ini memberikan satu gambaran tentang perlunya nilai keterampilan diri yang dimiliki oleh pelajar terutamanya untuk membolehkan mereka bersaing secara kompetatif setelah tamat pengajian. Inilah keperluan tambahan yang perlu dijadikan ‘suntikan modal baru’ untuk menyerlahkan potensi pelajar sama ada ketika di peringkat pengajian atau pun ketika bersaing di alam pekerjaan. Kenyataan (Ahmad Esa & Jamaludin, 2009) sektor awam dan swasta kini memerlukan golongan tenaga sumber manusia yang mampu memiliki keupayaan berkomunikasi, berfikiran kritis selain boleh bekerja dalam kumpulan. Majikan pada hari ini lebih mementing pekerja yang mempunyai kemahiran tambahan selain kelulusan akademik.

Justeru itu, pelajar perlu memiliki nilai tambah dari segi keterampilan diri (Shaari, 2012) untuk melonjakkan diri mereka sebagai calon terbaik pilihan majikan. Nilai tambah ini mencakupi aspek ketahanan mereka dalam mengekalkan daya saing, kebolehan berkomunikasi secara interpersonal dengan efektif selain mempunyai keberanian dalam menyuarakan pendapat dan memberi sumbangan idea kepada pihak yang tertentu. Ini adalah kerana pekerja yang mempunyai nilai keterampilan diri yang unggul dapat menyesuaikan diri dengan sebarang kondusi pekerjaan dan memberi nilai kualiti yang tinggi kepada syarikat menurut Azali Mohamed (2007) dalam (Ahmad Esa & Jamaludin, 2009). Isu keterampilan diri ini menjadi pokok persoalan yang perlu diketengahkan dengan lebih serius bagi sesebuah institusi pendidikan agar menghasilkan produk iaitu calon pekerja yang menjadi pilihan utama majikan. Agenda ini menjadi perhatian utama IPTA dan IPTS dalam mengukur kebolehpasaran graduan mereka. PMM tidak terkecuali mensasarkan 80% graduannya akan memenuhi kebolehpasaran graduannya. Sehubungan itu nilai keterampilan diri yang baik perlu dimiliki oleh semua pelajar PMM tanpa mengira bidang pengajian mahupun program yang diikuti.

1.2 Pernyataan Masalah

Politeknik Malaysia mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan supaya setanding dengan pelajar IPT yang lain. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melaksanakan program intervensi kebolehpasaran graduan (Graduate Employability) atau GE. Program Intervensi GE menyediakan program bagi meningkatkan nilai tambah graduan daripada aspek kelayakan profesional, keterampilan diri dan sahsiah bagi membantu pelajar-pelajar memperoleh pekerjaan dan relevan dengan keperluan majikan dalam pelbagai sektor. Keadaan sedemikian menunjukkan keperluan kepada penghasilan graduan yang berketerampilan. Dasar ini bertepatan

dengan lonjakan kedua dalam PPPM (PT) iaitu Kecemerlangan Bakat. Melalui kerjasama ini pengalaman dan kepakaran industri ternama seperti United Technologies Corporation Building Systems Malaysia & Brunei (UTC) dapat dikongsi bagi meningkatkan kecemerlangan Politeknik Malaysia (Yusrizal Sufardi Yunan, 2015). Penyediaan modal insan yang berkualiti tinggi daripada aspek kemahiran, pengetahuan teori dan sahsiah yang ditekankan Politeknik Malaysia telah meyakinkan UTC untuk menempatkan graduan politeknik untuk bekerja dengan syarikat dan anak syarikat UTC. Keadaan ini memberikan gambaran kepada keperluan penyediaan pelajar politeknik yang berketerampilan untuk membolehkan terus bersaing di pasaran pekerjaan.

Melihat kepada keperluan dan masalah semasa yang wujud dalam kalangan graduan politeknik, Jabatan Perdagangan (JP) sebagai salah satu jabatan akademik di Politeknik Merlimau yang menawarkan tiga program pengajian iaitu Diploma Akauntansi (DAT), Diploma Pemasaran (DPR) dan juga Diploma Pengajian Perniagaan (DPM) mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk mencapai matlamat KPT. Seramai 889 pelajar telah mendaftar sebagai pelajar di Jabatan Perdagangan bagi sesi Jun 2016. Sehubungan itu, kumpulan pelajar ini yang tamat pengajian kelak akan memasuki alam pekerjaan yang sangat kompetatif dari segi persaingan dalam menempatkan diri sebagai pekerja yang bakal dipilih oleh majikan. Ini kerana mereka perlu bersaing dengan graduan dari 32 buah politeknik dan juga institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang lain.

Rentetan kepada keperluan pemilihan pekerja oleh majikan dan peratusan pengangguran yang sedang berlaku ini serta pemerhatian berterusan, pelajar JP PMM dilihat kurang menyerlahkan nilai kepimpinan dan kewibawaan diri berbanding pelajar bidang kejuruteraan yang lebih kompetatif dan berkeyakinan dalam mengendalikan aktiviti mahupun penyertaan dalam program yang bersifat akademik atau non akademik. Kenyataan ini adalah berdasarkan pemerhatian secara langsung pengkaji selama lebih kurang 9 tahun sebagai tenaga pengajar di Jabatan Perdagangan dan maklumbalas secara verbal dari pemerhatian rakan pensyarah lain. Pelajar di JP kurang menyerlah dalam nilai tambah ini terutama semasa proses P&P berlangsung apabila melibatkan aspek pembentangan dan perbincangan selain penyertaan dalam aktiviti persatuan dan projek pelajar.

Dalam pada itu, elemen–elemen insaniah kurang diberikan perhatian dalam kajian sebelum ini di PMM. Kenyataan ini juga disokong melalui komentar dan maklumbalas perbualan dan pandangan yang sama diterima dari pihak industri ketika lawatan pensyarah (pengkaji), semasa pelajar menjalani latihan industri tentang keterampilan pelajar Jabatan Perdagangan perlu dipertingkatkan berbanding pelajar IPT lain. Oleh yang demikian, adalah penting untuk dijalankan satu kajian bagi mengenalpasti tahap keterampilan pelajar Jabatan Perdagangan untuk membolehkan mereka bersaing secara kompetatif dalam pasaran pekerjaan, selain dapat meningkatkan peratusan kebolehpasaran graduan Politeknik Merlimau Melaka.

Merujuk kepada situasi ini, pengkaji berusaha menumpukan kajian kepada tahap keterampilan diri yang dimiliki pelajar JP. Kajian yang dijalankan ini akan menjurus dan memfokuskan kepada tiga elemen utama keterampilan diri yang telah ditetapkan dan dikenalpasti iaitu meliputi keberanian pelajar dalam memberikan pendapat dan sumbangan idea, sikap daya saing mereka semasa proses P&P berlangsung dan kemahiran komunikasi interpersonal yang dimiliki dan diaplikasikan seharian. Perincian elemen kajian ini akan menentukan tahap keterampilan diri pelajar JP secara keseluruhannya dalam usaha menghasilkan graduan yang kompeten dan memiliki kemahiran insaniah yang tinggi dan diterima di pasaran pekerjaan.

1.3 Objektif Kajian

Dalam kajian yang dijalankan, pengkaji menetapkan beberapa objektif kajian iaitu untuk mengenalpasti :

i. Tahap keterampilan pelajar Jabatan Perdagangan dari aspek keberanian dalam memberi pendapat dan sumbangsaran idea sama ada secara sukarela atau ditanya.
ii. Tahap keterampilan pelajar Jabatan Perdagangan dari aspek berdaya saing dalam proses pembelajaran dan pengajaran (P&P) dan juga aktiviti persatuan/kelab.
iii. Tahap keterampilan pelajar Jabatan Perdagangan dari aspek kemahiran komunikasi secara interpersonal.

1.4 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, beberapa persoalan kajian yang hendak diketahui jawapannya adalah seperti berikut **:**

i. Apakah tahap keterampilan pelajarvJabatan Perdagangan dari aspek keberanian dalam memberi pendapat dan sumbangsaran idea sama ada secara sukarela atau ditanya?
ii. Apakah tahap keterampilan pelajar Jabatan Perdagangan dari aspek berdaya saing dalam proses pembelajaran dan pengajaran (P&P) dan aktiviti persatuan/kelab?
iii. Apakah tahap keterampilan pelajar Jabatan Perdagangan dari aspek kemahiran komunikasi secara interpersonal?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat memberi input kepada pihak pensyarah dan institusi pendidikan PMM amnya dan Jabatan Perdagangan khususnya, untuk melaksanakan program serta aktiviti yang boleh meningkatkan nilai tambah graduan bagi membolehkan mereka diterima dan menjadi pilihan utama majikan. Selain itu, ia juga membantu Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) untuk menambahbaik program kebolehpasaran graduan. Dapatan kajian ini juga diharapkan akan dapat menyediakan sumber manusia yang memiliki nilai *'k-worker'* kepada pihak industri. Permintaan sumber manusia pada masa kini adalah berbeza berikutan perubahan arus globalisasi yang lebih mementingkan calon pekerja yang mempunyai pelbagai kepakaran serta pemahaman yang merangkumi aspek kemanusiaan dan teknologi (Ariffin, 2010) Sumber manusia ini mampu mengatasi sebarang cabaran dan lebih bersifat holistik dan kompetatif dalam alam pekerjaaan selain menjadi inovatif. Ini merupakan aset yang terbaik

yang mampu meningkatkan prestasi dan kejayaan bagi sesebuah organisasi atau syarikat. Bakal majikan lebih cenderung memilih calon perkerja yang sentiasa positif dan berdisipiln dalam melasanakan tanggungjawab yang diberikan

2.0 SOROTAN KAJIAN

Keterampilan diri bermaksud kecekapan dan kemampuan seseorang individu yang tinggi dalam mengurus atau melaksanakan sesuatu, menyelesaikan masalah dan sebagainya (Kamus Dewan Edisi Keempat). Ia bermaksud seseorang individu bukan sekadar berkemampuan cukup makan, tetapi lebih daripada itu.

Gainer dalam (Yahya Buntat, 2004) telah membuat ringkasan bahawa keterampilan individu meliputi kemahiran berkomunikasi, kemahiran berhubung, kemahiran komputer dan kemahiran berbudaya. Menurut beliau lagi, keterampilan merupakan salah satu elemen dalam kemahiran 'employability' iaitu kemahiran dan juga kualiti yang dikehendaki oleh para majikan. Menurut pakar motivasi (Zain, 2012), antara ciri-ciri keterampilan diri adalah keberanian, aras harga diri yang sihat, menjana minda, berdaya saing serta peningkatan kemahiran berkomunikasi, berbahasa serta pengucapan awam.

Setiap pelajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT) seharusnya mempunyai ciri-ciri keterampilan diri kerana ia merupakan satu keperluan terhadap diri sendiri dalam mencapai cita-cita serta memenuhi aspirasi Negara. Menurut Tengku Abdullah (2011) Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), graduan perlu membina keterampilan diri bagi berdepan suasana globalisasi yang penuh dengan persaingan dan keterampilan diri juga adalah nilai tambah dan input pekerja yang biasanya diukur oleh majikan.

Menurut Ahmad (2009) pula, antara tuntutan majikan ialah kebolehan berkomunikasi lisan dan tulisan, berupaya melakukan pengucapan umum yang meyakinkan, beretika sopan, mempunyai prinsip kerja terbuka, toleran dan cekap membuat keputusan yang betul dalam masa singkat

Pelajar mungkin beranggapan keterampilan diri adalah satu perkara yang remeh tetapi hakikatnya ia adalah satu proses yang mampu mempengaruhi motivasi diri dalam pembelajaran. Ini adalah kerana seorang pelajar yang berketerampilan, berani muncul ke hadapan untuk memberi pendapat, memberi jawapan secara sukarela serta menghargai potensi diri dengan mengambil peluang yang ada (Zain, 2012) .Menurut beliau lagi, pelajar akan sentiasa menggalakan dirinya berinteraksi, mencambah fikiran baru, melibatkan diri dalam berbagai aktiviti, pertandingan, persatuan serta kemahiran dalam berkomunikasi, berbahasa dan pengucapan awam.

Kajian yang dibuat oleh Yahya (2004), mendapati antara kemahiran yang perlu diterapkan kepada pelajar untuk mempamerkan perwatakan yang penuh yakin adalah kemahiran berkomunikasi, kemahiran bekerja secara berkumpulan, keterampilan dari segi kepimpinan, berdaya saing, menghargai diri sendiri serta bergaul dan berunding dengan orang lain.

Lazimnya, mempunyai ciri-ciri keterampilan membantu membina perasaan yakin terhadap diri terutamanya apabila seseorang pelajar menggunakan kemahiran yang telah dipelajari yang digabung jalin dengan pengetahuan sedia ada.

Tinjauan yang telah dijalankan oleh Anizam (2008) ke atas 326 orang pelajar kursus Diploma Kejuruteraan semester akhir di Politeknik Kulim, Politeknik Seberang Prai, Politeknik Shah Alam dan Politeknik Merlimau, mendapati keterampilan di kalangan pelajar tersebut dari segi kemahiran bekerja dalam pasukan, kemahiran membina rangkaian perhubungan dan kemahiran memimpin berada di tahap yang baik.

Selain itu, Ahmad (2009) telah menjalankan kajian terhadap peranan kokurikulum di universiti dalam membentuk keterampilan mahasiswa yang melibatkan empat aspek keterampilan; kemahiran komunikasi, kepimpinan, bekerja dalam kumpulan dan penampilan diri yang kemas. Hasilnya, dapat disimpulkan bahawa akiviti kokurikulum yang disertai oleh pelajar mampu meningkatkan keterampilan diri dalam usaha untuk melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran sebelum menempuh alam pekerjaan yang lebih mencabar.

Mokhtar Alfakari (2011)dalam artikelnya menyatakan bahawa maklum balas kerap kedengaran diberikan oleh majikan ke atas mahasiswa-mahasiswi yang sedang menjalani latihan industri. Faktor penampilan diri telah menjadi salah satu kriteria yang penting yang diguna pakai dan menarik perhatian penyelia latihan industri dalam memberi penilaian dalam laporan mereka kepada pihak universiti. Manakala pihak panel penemuduga firma industri menjadikan faktor personaliti diri sebagai satu pendekatan dalam mencari serta memilih 'permata' di kalangan graduan yang datang untuk ditemuduga.

Namun begitu, Hadijah (2011) dalam kajiannya yang bertajuk 'Mengkaji Tahap Kompetensi Pelajar Semasa Menjalani Latihan Industri dari Persepsi Pihak Industri', secara umumnya mendapati pelajar Jabatan Perdagangan Politeknik Merlimau Sesi 2010 mempunyai tahap kompetensi yang tinggi dalam aspek keyakinan diri, etika kerja dan komunikasi.

Dr. Ismail (2009) dalam motivasi beliau menyatakan bahawa ramai pelajar malu untuk berkomunikasi secara formal dan kengganan untuk tampil di depan khalayak sama ada untuk berucap, berpidato atau membuat persembahan. Pelajar akan saling tolak-menolak menyuruh rakannya untuk ke hadapan sedangkan ironinya, kemahiran berkomunikasi, keberanian dan semangat daya saing adalah antara ciri-ciri pembentukan keterampilan diri.

Tinjauan yang telah dilaksanakan oleh Nurol dan Hafizah (2011) terhadap keengganan pelajar bertanya soalan ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung, mendapati bahawa pelajar tidak tahu apa yang hendak ditanya, takut bertanya soalan dan malu dengan pensyarah. Hasilnya, pelajar akan kurang keyakinan diri dan kurang membentuk personaliti diri.

Menurut Dr Arham (2006) dalam satu kajian ke atas sikap 407 pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

sekiranya mempunyai persoalan di dalam kelas, didapati 238 pelajar memilih untuk bertanya kepada kawan, 146 pelajar memilih bertanya terus kepada pensyarah dan 23 pelajar lebih suka mendiamkan diri.

Daripada 407 pelajar di atas juga, didapati 253 pelajar gemar memilih tempat duduk di bahagian tengah dewan kuliah atau bilik kuliah, hanya 99 pelajar yang memilih duduk di bahagian hadapan dan selebihnya (55 orang) duduk di bahagian belakang dewan kuliah atau bilik kuliah. Ini menunjukkan, pelajar masih kurang mengambil peluang keemasan serta mewujudkan semangat daya saing untuk melakukan sesuatu yang terbaik ke arah kejayaan.

Selain itu, kajian kes oleh Hafizah dan Suhaila (2011) terhadap kualiti pembentangan tugasan dalam kalangan pelajar Diploma Pemasaran di Politeknik Merlimau, mendapati bahawa kurang kemahiran komunikasi pelajar dalam pembentangan dari aspek kebolehan bercakap di hadapan orang ramai, intonasi suara, kebolehan pertembungan mata, kesesuaian pergerakan badan serta tahap keyakinan diri pelajar masih lagi rendah.

Pandangan daripada majikan terhadap pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) semasa berlangsungnya *Career Expo* UKM 2012, menyatakan pelajar UKM yang datang ke *booth* untuk menghadiri temubual masih mempunyai tahap malu yang tinggi, bercakap dengan suara yang kurang meyakinkan dan tidak mempunyai kekuatan daya saing serta kurang pengalaman bekerja dalam kumpulan yang pelbagai budaya (Anuar,2012) Menurut beliau lagi, majikan merasakan perlunya kemahiran komunikasi yang dapat membezakan mahasiswa yang masih berkomunikasi seperti 'kebudakan' dengan mahasiswa yang berupaya berkomunikasi seperti seorang yang profesional.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk kajian dilaksanakan adalah kajian deskriptif. Pengumpulan data adalah secara kuantitatif melalui kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai alat untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Terdapat dua bahagian iaitu bahagian A merujuk demografi manakala Bahagian B terdiri daripada 22 item soalan. Borang soal selidik adalah lebih berstruktur berbanding kaedah pemerhatian sahaja (Mukesh Kumar, 2013). Tujuan kajian adalah untuk menghuraikan ciri-ciri sesebuah populasi bagi menjawab persoalan kajian yang wujud (Idris, 2010). Pengumpulan data adalah melalui data primer dan sekunder. Populasi kajian adalah terdiri daripada pelajar Jabatan Perdagangan sepenuh masa sesi Jun 2016 seramai 889 orang pelajar. Seramai 330 pelajar telah dipilih secara rawak mudah sebagai sampel (Krejcie, 1970) yang terdiri daripada pelajar semester 1 hingga 6 dari Program DAT, DPM dan DPR. Borang soal selidik yang dikembalikan, diproses dan dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for the Social Secience*) versi 20.0.

Terlebih dahulu satu kajian rintis dilakukan ke atas 30 orang pelajar Jabatan Perdagangan, PMM. Nilai Alpha Cronbach yang diperolehi ialah 0.855. Ini menunjukkan item yang dibangunkan dan digunapakai mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Pengkaji menggunakan pengiraan skor min, nilai kekerapan dan peratusan bagi menganalisis data yang dikumpul. Bagi penentuan tahap dan pengkelasan, tiga skala telah dilakukan iaitu tinggi, sederhana dan rendah (Zainudin Abu Bakar, Meor Ibrahim Kamaruddin, Megat Aman Zahiri Megat Zakaria dan Mohd Ali Ibrahim, 2007 dalam (Abdull Shukor Shaari, 2008)

Jadual 1: Tahap Pengukuran Min dan Penyertaan

Pernyataan	Markat
Rendah	1.00 – 2.00
Sederhana	2.01 -3.00
Tinggi	3.01 – 4.00

4.0 ANALISIS DATA

Analisis dapatan kajian adalah meliputi demografi responden, tahap keterampilan pelajar Jabatan Perdagangan dari aspek keberanian dalam memberikan pendapat dan sumbangsaran idea sama ada secara sukarela atau ditanya, berdaya saing dalam pembelajaran dan pengajaran (P&P) dan aktiviti persatuan/kelab serta aspek kemahiran komunikasi secara interpersonal.



Rajah 1: Pecahan Responden Mengikut Semester

Rajah 1, menunjukkan pecahan responden mengikut semester iaitu 125 orang responden paling ramai dari semester 2, disusuli pelajar semester 3 seramai 61 orang dan responden paling rendah ialah pelajar semester 1 hanya 18 orang.

Berdasarkan Jadual 2, majoriti responden adalah terdiri dari pelajar perempuan seramai 265 orang berbanding responden lelaki hanya 73 orang. Majoriti responden adalah pelajar perempuan.

Jadual 2: Pecahan Bilangan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bil	Peratus
Lelaki	73	21.6%
Perempuan	265	78.4%

Manakala bagi pecahan mengikut program pula, responden paling ramai dalam kalangan pelajar Program Diploma Pemasaran seramai 153, Program Diploma Pengajian Perniagaan 51, dan Program Diploma Akauntansi seramai 134 seperti ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Pecahan Bilangan Responden Mengikut Program

9.	Saya boleh berkomunikasi dengan ahli kumpulan lain	0 05	9 2.7 %	178 52.7 %	151 44.7 %	3.42	Tinggi
	DAT			**134**		**39.6**	
	DPR			153		45.3	
	DPM			51		15.1	

9.	Saya boleh berkomunikasi dengan ahli kumpulan lain	2.1 %	18. 3%	48.8 %	30.8 %	3.42	Tinggi
	Peratusan skor min dan tafsiran keseluruhan					**3.12**	**Tinggi**



Rajah 2: Pecahan Responden Mengikut Pendapatan Keluarga

Seramai 125 responden dari kumpulan pendapatan keluarga antara RM1001-RM2000, kurang RM1000 seramai 88 orang, RM3001-RM4000 seramai 26 orang dan lebih RM4001 seramai 28 orang.

Analisis tahap keterampilan pelajar Jabatan Perdagangan dari aspek keberanian dalam memberikan pendapat dan sumbangsaran idea sama ada secara sukarela atau ditanya adalah seperti jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Keberanian Pelajar Dalam Memberi Pendapat Dan Sumbangan Idea

		KEKERAPAN PERATUSAN					
No	Item soalan	STS	TS	S	SS	Skor Min	Tafsiran
1.	Saya bercakap dengan lancar	2 0.6 %	49 14. 5%	237 70.1 %	50 14.8 %	2.99	Sederhana
2.	Saya yakin membuat pembentangan di hadapan audien yang ramai	3 0.9 %	90 26. 6%	213 63%	32 9.5%	2.81	Sederhana
3.	Intonasi suara saya adalah bersesuaian	1 0.3 %	58 17. 2%	228 67.5 %	51 15.1 %	2.97	Sederhana
4.	Saya boleh menghuraikan idea dengan baik	4 1.2 %	94 27. 8%	214 63.3 %	26 7.7%	2.78	Sederhana
5.	Saya sentiasa berpakaian kemas ketika melakukan pembentangan	1 0.3 %	11 3.3 %	193 57.1 %	133 39.3 %	3.36	Tinggi
6.	Saya memberi kerjasama yang baik	0 0%	9 2.7 %	220 65.1 %	109 32.2 %	3.30	Tinggi
7.	Saya boleh memberi pendapat yang bernas	0 0%	38 11. 25	243 71.95	57 16.9 %	3.06	Tinggi
8.	Saya boleh menerima pendapat orang lain	0 0%	11 3.3 %	183 54.15	144 42.6 %	3.39	Tinggi

Jadual 4, menunjukkan skor min keseluruhan adalah pada tahap tinggi iaitu 3.12. 4 item melebihi skor min keseluruhan. Skor min paling rendah ialah item 2.78 iaitu kebolehan pelajar menghuraikan idea dengan baik disusuli keyakinan pelajar untuk membuat pembentangan di hadapan audien yang ramai skor (2.81) iaitu pada tahap sederhana. Manakala skor min yang tinggi adalah pada item kemampuan pelajar berkomunikasi dengan ahli kumpulan yang lain iaitu 3.42 dan kebolehan pelajar menerima pendapat orang lain iaitu 3.39, selain pelajar akan berpakaian kemas ketika membuat pembentangan iaitu 3.36. Selain itu, skor min yang tinggi ditunjukkan pada kebolehan pelajar bekerjasama dengan baik iaitu 3.30. Semua item yang mempunyai skor min tahap tinggi yang dinyatakan, adalah melebihi skor min keseluruhan.

Jadual 5: Sikap Daya Saing Pelajar Semasa Proses P&P

		KEKERAPAN PERATUSAN					
No	Item soalan	STS	TS	S	SS	Skor Min	Tafsiran
1	Boleh berkomunikasi dengan pihak luar	2 0.6%	58 17. 2%	21 1 62. 4%	67 19.8 %	3.01	Tinggi
2	Mampu berkomunikasi dengan pelajar lain agar menyertai program	1 0.3%	49 14. 5%	22 0 65. 1%	68 20.1 %	3.05	Tinggi
3	Boleh mengendalikan program yang bakal dijalankan	6 1.8%	79 23. 4%	20 5 60. 7%	48 14.2 %	2.87	Sederhana
4	Berkebolehan membuat risalah penganjuran program	10 3.0% 2.1%	10 0 29. 6% 18. 3%	18 3 54. 1% 48. 8%	45 13.3 % 30.8 %	2.78	Sederhana
	Peratusan skor min dan tafsiran keseluruhan					**2.92**	**Sederhana**

Berdasarkan Jadual 5, purata keseluruhan min adalah 2.92 iaitu pada tahap sederhana. Item kebolehan berkomunikasi dengan pihak luar dan dengan pelajar lain untuk menggalakkan mereka menyertai program adalah pada tahap tinggi iaitu 3.01 dan 3.05. Bagi item kebolehan pelajar mengendalikan program serta kemampuan untuk membuat risalah adalah pada tahap sederhana iaitu masing-masing 2.78 dan 2.87, kurang dari nilai keseluruhan min bagi objektif yang telah ditetapkan.

Jadual 6: Kemahiran Komunikasi Interpersonal

		KEKERAPAN PERATUSAN					
No	Item soalan	STS	TS	S	SS	Skor Min	Tafsiran
1	Gemar memilih rakan sebaya untuk	5 1.5%	47 13.9 %	159 47%	127 37.6 %	3.21	Tinggi

	bertanya soalan yang tidak difahami						
2	Memilih untuk bertanya terus kepada pensyarah	6 1.8%	48 14.2 %	217 64.2 %	67 19.8 %	3.02	Tinggi
3	Hanya mendiamkan diri sekiranya mempunyai soalan	73 21.6 %	153 45.3 %	89 26.3 %	23 6.8%	2.18	Sederhana
4	Boleh tampil ke hadapan untuk memberi pendapat secara sukarela	15 4.4%	114 33.7 %	178 52.7 %	31 9.2%	2.67	Sederhana
5	Secara sukarela kan menjawab soalan yang ditanya oleh pensyarah	5 1.5%	83 24.6 %	206 60.9 %	44 13.0 %	2.86	Sederhana
6	Saya hadir ke kuliah 5-15 minit awal sebelum waktu kuliah	5 1.5%	50 14.8 %	176 52.1 %	107 31.7 %	3.14	Tinggi
7	Saya hadir tepat pada waktu kuliah	5 1.5%	36 10.7 %	177 52.4 %	120 35.5 %	3.22	Tinggi
8	Saya lebih gemar memilih duduk di bahagian depan bilik/ dewan kuliah	8 2.4%	57 16.9 %	167 49.4 %	106 31.4 %	3.10	Tinggi
9	Saya sentiasa menyertai program yang dianjurkan oleh JP/ politeknik secara sukarela	7 2.1%	62 18.3 %	165 48.8 %	104 30.8 %	3.08	Tinggi
	Peratusan skor min dan tafsiran keseluruhan					**2.94**	**Sederha-na**

Jadual 6 menunjukkan item-item bagi mengenalpasti kemahiran komunikasi interpersonal pelajar. Secara keseluruhannya adalah pada tahap sederhana iaitu 2.94. Bagi item kesediaan pelajar bertanya soalan yang tidak difahami, didapati pelajar lebih gemar bertanya rakan dengan nilai min 3.21, manakala yang memilih untuk bertanya terus kepada pensyarah adalah 3.02 nilai skor minnya. Namun kedua-duanya berada pada tahap tinggi. Berbeza dengan hanya mendiamkan diri iaitu 2.18 atau pada tahap sederhana dan merupakan skor min yang paling rendah. Kesediaan pelajar memberi pendapat dan menjawab secara sukarela masih pada tahap sederhana dengan nilai min 2.67 dan 2.86 di bawah nilai purata keseluruhan. Bagi item kehadiran ke kuliah seawal 5 – 15 minit dan pelajar gemar memilih tempat duduk di hadapan adalah pada tahap tinggi dengan nilai min antara 3.10 dan 3.22.

5.0 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Berdasarkan kepada kajian, tahap keberanian pelajar JP dalam memberi pendapat, sumbangan idea, memberikan kerjasama dan berkomunikasi dalam kelompok rakan-rakan mereka adalah tinggi. Dapatan ini menyamai tinjauan yang telah dijalankan oleh Anizam (2008). Namun begitu, tahap keyakinan mereka untuk mengadakan pembentangan di hadapan audien yang ramai atau audien bukan dalam kalangan rakan mereka masih dalam tahap yang sederhana. Dapatan ini selari dengan kajian Dr. Ismail (2009) dan Hafizah (2011). Pelajar JP juga masih rendah untuk menghuraikan idea dengan baik semasa memberi atau menyumbangkan idea.

Melihat kepada sikap daya saing pelajar, pelajar JP mempunyai kebolehan untuk berkomunikasi dan menghubungi pihak luar atau industri ketika mengadakan aktiviti atau program berkaitan P&P. Hasil dapatan ini adalah selari dengan kajian Anizam (2008). Namun begitu, mereka kurang berkemahiran atau mempunyai skill untuk mengendalikan program dan kurang kreativiti untuk menghasilkan risalah-risalah berkaitan program. Penelitian ini adalah konsisten dari data kajian Anuar (2012).

Manakala untuk kemahiran komunikasi interpersonal pelajar pula, didapati bahawa, tahap keberanian dan keyakinan untuk tampil memberi pendapat dan jawapan secara sukarela adalah kurang memuaskan. Dapatan ini mengesahkan lagi dapatan kajian Dr. Ismail (2009). Kemungkinan pelajar ingin memberi pendapat tetapi mereka malu dan takut. Jika mereka mempunyai soalan yang tidak difahami, mereka akan memilih untuk bertanyakan kepada rakan mereka terlebih dahulu dan kemudiannya kepada pensyarah untuk mendapatkan keterangan dan kepastian yang mengesahkan lagi dapatan Dr Arham (2006) yang memilih untuk bertanya kepada kawan daripada bertanya terus kepada pensyarah atau hanya lebih suka mendiamkan diri. Selain daripada itu, pelajar JP mempunyai kompetensi untuk hadir 5 hingga 15 minit awal sebelum waktu kuliah bermula dan lebih gemar mengambil tempat di bahagian hadapan bilik kuliah. Hasil penelitian ini adalah kurang konsisten dari data kajian Dr Arham (2006).

Dapatan ini keseluruhannya mendapati elemen keterampilan diri dalam kalangan pelajar JP adalah pada tahap sederhana. Ia memerlukan tindakan proaktif dari tenaga pengajar serta pihak pengurusan untuk meningkatkan kompetensi atau keterampilan yang diperlukan seseorang pelajar serta kemampuannya untuk memberikan daya saing yang memadai atau lebih tinggi agar dapat memenuhi kualiti sumber manusia yang diperlukan.

5.1 Cadangan dan Perbincangan Lanjutan

Setelah menganalisis dapatan dan perbincangan, dapat dirumus dan dicadangkan beberapa panduan:

i. Mewujudkan satu item penilaian ketrampilan pelajar dalam penilaian berterusan bagi setiap kursus yang ditawarkan dalam jabatan. Selain tugas-tugas penilaian seperti kuiz, ujian, projek mini, kajian kes dan sebagainya, ketrampilan pelajar dalam bentuk rubrik juga turut dinilai agar pelajar lebih berkompentesi dari segi akademik dan sahsiah.

ii. Menggalakkan pelajar berhubung, mengurus dan mengendalikan sendiri segala aktiviti atau program khususnya bersama pihak industri. Kaedah ini diharapkan dapat meningkatkan penguasaan pelajar dalam kemahiran bertutur, berhubung, mengurus, menyelesaikan masalah dan meningkatkan kreativiti pelajar berada pada tahap yang tinggi.

iii. Mengadakan pertandingan atau ruang pengucapan awam dalam kalangan pelajar jabatan. Aktiviti ini dapat meningkatkan penglibatan pelajar, keberanian, sikap berdaya saing serta kreativiti pelajar.

iv. Memperkukuhkan dan memperluaskan kaedah P&P bagi kursus DPM2023 – Business Presentation Skills. Antara objektif kursus ini adalah untuk membangunkan kemahiran persembahan, cara menghadapi ketakutan serta menyedia dan menggunakan visual secara berkesan.

RUJUKAN

Abdull Shukor Shaari, A. A. (2008). keadilan penilaian Prestasi Dalam kalangan Guru dan Hubungannya Dengan Motivasi Kerja Dan Prestasi Akademik. *IJMS (Bumper Issue)*.

Abdullah, T. (2011). *Graduan Perlu Bina Keterampilan Diri Berdepan Globalisasi.* Retrieved from Berita Harian Online: http://bharian.com.my

Ahmad Esa & Jamaludin, H. (2009). Peranan Kokurikulum Di Universiti Dalam Membentuk Keterampilan Mahasiswa. *International Conference On Teaching and Learning in Higher Education 2009 (ICTLHE09).*

Ahmad, A. (2009, September). *Cabaran Utama Mahasiwa IPTA.* Retrieved from Utusan Malaysia.

Ahmad, A. (2012). *Pelajar UKM Baik Tapi Belum Cukup Bagus - Pandangan Majikan.* Retrieved from http://anuar-ahmad

Anizam Mohamed Yusof, A. e. (2008). kemahiran Interpersonal Di Kalangan Pelajar Diploma Kejuruteraan Di politeknik . *Persidangan Pembangunan pelajar Peringkat kebangsaan Universiti Teknologi Malaysia.* Universiti Teknologi Malaysia.

Anurbek, M. A. (n.d.). *Penampilan Diri Bakal jurutera*. Retrieved from minggu kerjaya: http:// www.eng.usm.my

Ariffin,D.M.(2010).*http://www.bharian.com.my/bharian/articles/ Kerjaya_Ciripekerjabarudiperlukan majikan*. Retrieved from http://www.bharian.com.my.

Dr Arham Abdullah, B. M. (2006). *Faktor-faktor Yang Menyumbang Kepada Kecemerlangan Akademik Pelajar Universiti Teknologi Malaysia*. Retrieved from UTM: http://eprints.utm.my

Hadijah, S. H. (2011). *Mengkaji Tahap kompetensi Pelajar semasa Menjalani Latihan Industri Dari Perspektif Pihak Industri.* Melaka: Jabatan Perdagangan ISSN 2231-9905.

Hafizah Hussin, S. M. (2011). *Kualiti Pembentangan Tugasan Bagi Kursus PM101 Principles of Marketing : kajian Kes Dalam Kalangan Pelajar Diploma Pemasaran di Politeknik Merlimau* . Melaka: Jabatan Perdagangan, PMM ISSN 2231-9905.

Idris, N. (2010). *Penyelidikan Dalam pendidikan.* Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.

Krejcie, R. &. (1970). Determining Sample For Research Activities. In *Educational and Psychological Measurement* (pp. 607-610).

Malaysia, J. P. (2012). *Perangkaan Tenaga Buruh, Malaysia Mac 2012*. Retrieved from http://statistic.gov.my

Marlina Ali, D. S. (2006). *Tahap Penguasaan Kemahiran Berfikiran kritis Di Kalanagan Pelajar Pendidikan Fizik Merentas Jantina*. Retrieved from http://eprint.utm.my

Mason Geoff, W. G., & Cranmer, S. (2009). Employbility Skills Initiatives in Higher education: What effects Do They Have On Graduate Labours Market Outcomes. *Education Economics Journal Vol 17 No 1*, 1-30.

Mukesh Kumar, S. A. (2013). *Business Research Methods* . Shah alam Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd, ISBN 978098304707477.

Noriah Mohd Ishak, S. A. (2009). Retrieved from http://pkukmweb.ukm.my.

Nur Atiqah Abdullah, A. K. (2009). Permintaan Firma Terhadap Industri Tenaga Kerja Teknologi Maklumat dan Komunkasi di Malaysia. *Jurnal Teknologi Maklumat & Multimedia*, 71-89.

Nurol Aleyzan Ghazali, H. O. (2011). *Masalah keengganan Bertanya Soalan Dalam Kalangan Pelajar Diploma Pemasaran.* Melaka: Jabatan Perdagangan, PMM ISSN 2231-9905.

Shaari, N. H. (2012). *Model Baru Ekonomi Tinjauan Dari Perspektif Islam.* Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, ISBN 978983263526.

Yahya Buntat, M. S. (2004). *Kemahiran Komunikasi Dalam Meningkatkan Keyakinan Pelajar.* Retrieved from http://eprints.utm.my

Yusrizal Sufardi Yunan, M. S. (2015). *Politeknik Tingkat kebolehpasaran Graduan.* Retrieved from Utusan Malaysia Online : http://m.utusan.com.my/pendidikan

Zafir Mohd Makhbul, I. Y. (2012). Kriteria Pengambilan dan Pemilihan Graduan Dari Perspektif Pengurusan Sumber Manusia. *Jurnal Personalia Pelajar 15, ISSN 0128-273*, 11-1.

Zain, D. I. (2012). *http://www.tutor.com.my*. Retrieved from Dunia pendidikan dan Motivasi.